

# Warga UMS hargai jasa Tun Dr. Mahathir

Oleh NAZRULLAH ROSLI

**D**ALAM mengenang jasa dan pengorbanan tokoh pemimpin negara, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyampaikan anugerah tertinggi Universiti berkenaan iaitu Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Malah, isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali turut dianugerahkan dengan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pembangunan Sosial) dalam satu upacara gilang-gemilang pada majlis Konvokesyen Komemoratif Universiti itu yang diadakan di Dewan Canselor UMS pada 28 Ogos lalu.

Majlis itu menandakan kemuncak penghargaan tertinggi Universiti itu ke atas jasa Dr. Mahathir bagi mengenangkan jasa beliau ketika menerajui negara menjadi sebuah negara maju dan berdaya saing.

Usaha beliau dalam membolehkan rakyat dan negara ini mengecapi pelbagai kejayaan di bidang ekonomi, Pembangunan dan perindustrian bukan sahaja diiktiraf di negara ini, malah disanjung oleh dunia luar khususnya negara dunia ketiga yang mahu mengikuti model pemerintahannya.

Selain itu, UMS turut memandangi tinggi usaha dan jasa Dr. Mahathir yang memainkan peranan penting memastikan penubuhan kampus induk Universiti ini di negeri Sabah berjaya



TUN Dr. Mahathir Mohamad (empat dari kiri) dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali berdiri bersama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh (dua dari kanan) dan tetamu kehormat pada majlis Konvokesyen Komemoratif.

dilaksanakan.

Justeru, dengan kejayaan UMS kini sebagai sebuah Universiti yang serba lengkap, berwajah indah dan bertaraf tinggi atas hasil usaha beliau, penganugerahan itu juga adalah sebagai tanda terima kasih daripada semua

warga Universiti berkenaan kepada Dr. Mahathir.

Bagi Universiti itu pula, penganugerahan berkenaan sebagai satu kenangan indah kepada bekas Perdana Menteri yang keempat yang begitu disanjung oleh warga UMS itu.



TUN Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pembangunan Sosial).

**UMS memandangi tinggi usaha dan jasa Dr. Mahathir, yang memainkan peranan penting memastikan penubuhan kampus induk universiti ini**